

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF  
RAWA [ PARIT BUNTAR ]**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan insentif kepada pengguna yang memakai tenaga solar di rumah kediaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperkenalkan Program *Net Energy Metering* atau NEM sebagai satu insentif kepada pengguna yang memasang sistem solar fotovolta (solar PV) di bumbung rumah kediaman. Program ini membolehkan pengguna memasang sistem solar PV di bumbung dan menjana tenaga solar untuk kegunaan sendiri. Lebihan tenaga yang tidak digunakan pula boleh dijual kepada pihak utiliti pada kadar tarif yang sama dengan kadar tarif elektrik yang dibeli daripada pihak utiliti untuk “offset” dalam bil elektrik untuk tempoh 12 bulan.

2. Melalui pelaksanaan Program NEM, Kerajaan menyediakan pilihan kepada pengguna untuk beralih kepada tenaga solar sebagai sumber pembekalan elektrik. Selain dapat menikmati penjimatan bil bulanan, Program NEM juga membolehkan pengguna bertukar kepada gaya hidup yang lebih lestari serta menyokong pencapaian sasaran 31% kapasiti Tenaga Boleh Baharu dalam pembekalan elektrik negara menjelang tahun 2025 dan 40% menjelang tahun 2035, sebagaimana yang telah ditetapkan Kerajaan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF  
RAWA (PARIT BUNTAR)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan asas pelan komprehensif dalam pendidikan menjelang fasa pemulihan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu pelan komprehensif pembukaan semula sekolah telah disediakan bagi memastikan murid dapat kembali belajar secara bersemuka di sekolah dalam keadaan selamat.

Dalam merangka pelan ini, KPM telah mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh bagi mendapatkan pandangan dan cadangan daripada semua pihak berkepentingan. Libat urus melibatkan pentadbir sekolah, guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), murid dan kumpulan pakar daripada sektor pendidikan, kesihatan awam, psikologi kanak-kanak dan pediatrik. KPM juga telah membuat analisis terperinci mengenai amalan terbaik pembukaan semula sekolah di negara-negara lain bagi meneliti pendekatan yang berkesan untuk memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat. Pelan ini kemudiannya diperincikan bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta diselarikan dengan fasa Pelan Pemulihan Negara.

KPM sentiasa memantau keadaan semasa pengoperasian sekolah secara bersemuka yang bermula pada 3 Oktober 2021. Berdasarkan rekod sehingga 29 November 2021, semua sekolah rendah dan sekolah menengah bawah KPM di negeri yang berada dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah beroperasi sepenuhnya. Jumlah sekolah yang beroperasi ialah 8,166 buah sekolah, melibatkan 6,091 sekolah rendah dan 2,075 sekolah menengah. Manakala jumlah murid yang terlibat adalah seramai 4,251,221 orang, iaitu 2,517,233 orang murid sekolah rendah dan 1,733,988 orang murid sekolah menengah.

Bagi negeri Kelantan dan Sarawak yang berada dalam Fasa 3 PPN, terdapat 1,894 buah sekolah yang telah beroperasi, melibatkan 1,526 buah sekolah rendah dan 368 buah sekolah menengah. Pengoperasian secara bersemuka bagi sekolah rendah di negeri ini hanya melibatkan Murid Berkeperluan Khas (MBK) di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, murid kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan murid prasekolah

dengan jumlah keseluruhan seramai 49,563 orang. Bagi sekolah menengah pula, pengoperasian secara bersemuka melibatkan murid kelas peperiksaan, MBK di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas dan murid kelas PPKI dengan jumlah murid seramai 84,497 orang.

Berdasarkan pelan ini, KPM telah menetapkan supaya kapasiti murid di sekolah dihadkan pada kadar 50 peratus enrolmen keseluruhan. Bagi tujuan tersebut, kaedah yang digunakan adalah dengan mengehadkan kapasiti murid di dalam kelas kepada 50 peratus daripada jumlah murid dalam kelas tersebut. Kaedah ini diguna pakai untuk semua kelas kecuali:

- i. MBK di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK)/ Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMKPK) / Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI);
- ii. murid di Tingkatan 5 di sekolah harian (apabila sekolah mencapai 90 peratus dan lebih kadar vaksinasi);
- iii. murid di Tingkatan 6 Semester 2 dan International Baccalaureate Diploma (IBD) Tahun 2;
- iv. murid di sekolah asrama sepenuhnya;
- v. murid kelas peperiksaan antarabangsa;
- vi. murid prasekolah/tadika swasta/pusat perkembangan minda (4-6 tahun); dan
- vii. murid di Sekolah Kurang Murid (kurang 150 murid).

Kaedah penggiliran ini membolehkan penjarakan fizikal dalam kelas yang lebih baik dan memudahkan pemantauan guru ke atas murid. Ini juga bagi mengurangkan kesesakan sewaktu pergerakan masuk dan penyuraian di sekolah. Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara penggiliran ini dapat dilaksanakan dengan baik dan tidak membebankan guru, KPM telah menyediakan Manual Pengoperasian Pengajaran dan Pembelajaran Secara Penggiliran sebagai panduan kepada pengetua/guru besar, guru, murid dan ibu bapa/penjaga.

Selain itu, KPM terus memperkasakan siaran pendidikan di saluran DidikTV KPM. Pada masa yang sama, siaran TV Pendidikan di TV Okey

RTM dan Tutor TV Astro juga diteruskan.

KPM melihat keperluan murid untuk mengukuhkan pembelajaran dalam tempoh pasca pandemik. Untuk itu, KPM melaksanakan penjajaran kandungan kurikulum mata pelajaran. Penjajaran kurikulum mata pelajaran difokuskan kepada Kandungan Asas (KA) supaya murid dapat disediakan untuk pembelajaran peringkat seterusnya. Kandungan Tambahan (KT) dan Kandungan Pelengkap (KP) pula boleh dilaksanakan mengikut keupayaan murid.

Bagi memperkasakan pelaksanaan kurikulum, KPM juga menambah baik sokongan pembelajaran dengan memperkenalkan Program Pemerkasaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). Program KPMPerkasaKU dirangka dengan tujuan memastikan pembelajaran pemulihan bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi. Di samping itu juga, program ini menyediakan pelbagai sokongan bagi mengukuh dan memperkayakan penguasaan kandungan mata pelajaran. Program ini melibatkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah.

Selain itu, KPM telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari tahun 2022. Pelanjutan sesi ini membolehkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan secara intensif bagi meningkatkan kesediaan murid untuk mengikuti tahun persekolahan berikutnya.

KPM yakin pelan komprehensif dalam pendidikan yang dirancang ini dapat memastikan pengoperasian sekolah berjalan secara teratur dan lancar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta  
**MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kes-kes anti-vaksin yang  
dilaporkan dan tindakan yang diambil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua (2) laporan polis telah dibuat berkaitan kes anti-vaksin. Kes pertama disiasat dibawah Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan iaitu kenyataan yang mendatangkan khianat awam dan Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan. Manakala kes kedua disiasat dibawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan iaitu fitnah, Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN  
YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]**

**SOALAN :**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana kejayaan JKOM berperanan menangani sebaran kelompok anti-vaksin.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. J-KOM telah melaksanakan inisiatif menangani sebaran kelompok anti-vaksin dengan menyediakan sebanyak 13 poster yang dibuat hantaran (*posting*), 16 ciapan (*retweet*) dan 11 perkongsian (*repost*) di media sosial Jabatan seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *WhatsApp*.
2. Langkah ini bagi memberi kesedaran kepada golongan anti-vaksin untuk menepis dakwaan mereka mengenai keburukan dan kesan sampingan mengambil vaksin.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ  
BIN TUN DR. MAHATHIR  
[ JERLUN ]**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk membuka semula pintu sempadan bagi tujuan pelancongan.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Pembukaan pintu sempadan negara untuk aktiviti pelancongan sentiasa di dalam agenda kerajaan. Namun begitu, pertimbangan tersebut adalah tertakluk kepada penilaian risiko semasa jangkitan.
2. Kerajaan telah melaksanakan Projek Rintis Pelancongan Antarabangsa Pulau Langkawi bermula pada 15 November 2021 yang merupakan projek rintis sebelum negara membuka pintu sempadan untuk tujuan pelancongan ke seluruh negara. Selain itu, para pelancong antarabangsa yang menggunakan inisiatif Projek Rintis Pelancongan Antarabangsa Pulau Langkawi dibenarkan untuk ke destinasi lain di seluruh negara setelah menjalani syarat kuarantin tujuh (7) hari selepas tiba di Pulau Langkawi.
3. Seterusnya, kerajaan Malaysia dan Singapura telah bekerjasama dalam pembukaan Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) yang telah dilancarkan pada 29 November 2021. Pelaksanaan VTL ini memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk membuka semula sempadan darat secara berperingkat, selamat, sistematik dan mampan.
4. Walau bagaimanapun, pada 26 November 2021 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan varian B.1.1.529 atau *Omicron* sebagai *Variant of Concern* (VOC). Penularan Varian ini telah dikesan pada kadar lebih pantas daripada varian lain dan juga berkemungkinan mempunyai risiko lebih tinggi untuk jangkitan semula (*re-infection*) berbanding VOC lain.
5. Susulan perkembangan semasa varian baharu tersebut, Kerajaan telah mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan sempadan antarabangsa yang lebih ketat bagi pengembara yang tiba di pintu masuk negara berkuatkuasa pada 27 November 2021

terutamanya ke atas negara-negara yang telah melaporkan penyebaran varian Omicron.

6. Kerajaan juga telah memutuskan untuk menangguhkan seketika (*pause*) usaha peralihan ke "Fasa Endemik" sehingga maklumat lanjut diperolehi mengenai varian baharu ini.

Sekian, terima kasih.